

Tahap ekonomi Melayu masih rendah

KOTA BHARU 5 Okt. - Semua pihak harus menerima hakikat bahawa pegangan ekonomi orang Melayu di negara ini masih lagi di tahap rendah dan perlu diseimbangkan dengan kaum-kaum lain.

Justeru, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, soal ekuiti Melayu dalam ekonomi negara yang dikatakan sudah mencapai tahap yang tinggi itu tidak harus dipolemikkan.

"Kita tidak mahu perkara ini menjadi polemik besar-besaran kerana hakikatnya kedudukan ekuiti bumiputera masih kecil secara relatifnya," tegas beliau.

Katanya, pada masa ini tumpuan tetap diberikan bagi mencapai imbang yang setimpal tanpa menjejaskan kedudukan bukan bumiputera.

Najib menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Kelantan di sini petang ini sempena lawatannya ke negeri ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan sebuah kumpulan penyelidik badan bukan kerajaan (NGO) bahawa orang Melayu kini sudah menguasai 45 peratus kekayaan ekonomi negara.

Rasional pandangan itu berasaskan pegangan dalam syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) sedangkan ia bukan milik orang Melayu sepenuhnya.

Menurut Najib, mereka mungkin menggunakan kayu ukur tertentu sedangkan ada asas lain yang boleh memberi gambaran nilai sebenar.

Sementara itu, ditanya mengenai permohonan maaf Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew ekoran kenyataannya bahawa masyarakat Cina di Malaysia dipinggirkan secara sistematik, beliau berkata, terserah kepada Singapura untuk menjernihkan keadaan dan membaiki hubungan dua hala.

Katanya, Malaysia telah menjelaskan pendiriannya bahawa permohonan maaf Kuan Yew kerana menimbulkan kesan yang tidak-selesa itu bukan suatu permohonan maaf yang sebenarnya.

"Premis dia tu tidak tepat sama sekali kerana kedudukan dalam negara Malaysia tidak sebagaimana yang digambarkan dalam kenyataannya.

"Bagaimana dia nak hubungan baik kalau dia terus buat kenyataan-kenyataan lagi selepas peristiwa ini," ujarnya.